



Ruj. Kami : KKM500-3/4/9 Jld.6 (64)

Tarikh : 12 Julai 2018

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN PENAJAAN UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA SESI 2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa Pegawai Perkhidmatan Gunasama dari Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) iaitu **Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Latihan Vokasional dan Pegawai Psikologi** yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memohon kemudahan penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) atau Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana (dalam negara sahaja) dan Kedoktoran (Ph.D) (dalam dan luar negara) secara sepenuh masa Sesi 2019.
3. Tarikh-tarikh penting bagi pelawaan ini adalah seperti berikut:-

TARIKH	KETERANGAN
9 Julai 2018 – 3 Ogos 2018	Permohonan secara dalam talian (online)
3 Ogos 2018	Tarikh akhir penerimaan dokumen di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM untuk penyelarasan
November 2018	Semakan keputusan calon berjaya di Portal eSila, JPA http://esilav2.jpa.gov.my



4. Syarat-syarat permohonan adalah seperti di **Lampiran 1** dalam surat JPA(I)S.175/22/1 Klt.12 (5) yang boleh dimuat turun di laman portal JPA <http://esilav2.jpa.gov.my> dan cara-cara memohon adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua pegawai Gunasama dari kumpulan P&P yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ISMAYATI BINTI ISMAIL)

Bahagian Pengurusan Latihan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

TATACARA PERMOHONAN

1. Calon perlu mengisi borang permohonan secara atas talian (online) melalui laman web JPA <http://esilav2.jpa.gov.my> yang dibuka mulai **9 Julai 2018 sehingga 3 Ogos 2018**.
2. Calon adalah dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. **Ketua Jabatan juga hendaklah mempertimbangkan calon-calon yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan hanya menyokong calon yang boleh dilepaskan.**
3. Calon perlu melengkapkan dan menyediakan dokumen-dokumen berikut:-
 - i. **Tiga (3) set** borang permohonan secara atas talian (online) yang telah lengkap diisi dan dicetak dari laman portal JPA;
 - ii. **Tiga (3) set** Borang Perakuan Ketua Jabatan (**Lampiran C**);
 - iii. **Tiga (3)** salinan Ijazah Pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya;
 - iv. **Tiga (3)** salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya ada);
 - v. **Tiga (3)** salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga);
 - vi. **Lima (5)** set Kertas Cadangan Penyelidikan / Pengajian; dan
 - vii. **Satu (1) salinan** Buku Perkhidmatan yang terkini yang telah disahkan.
4. Calon perlu menghantar dokumen yang telah dilengkapkan pada atau sebelum **3 Ogos 2018 (Jumaat)** kepada:-

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p Pn. Nur Hanani Binti Selamat)

5. Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan tidak akan diproses** untuk tujuan pertimbangan.
6. Calon **tidak perlu mengisi Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia - JPA (L) LDP 1A/96 (Lampiran B)** kerana akan dilengkapkan oleh urusetia di Bahagian Pengurusan Latihan, KKM.
7. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan ini boleh dirujuk ke Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM seperti berikut:-

Pn. Nur Hanani Binti Salamat
Penolong Setiausaha Kanan
Email: nurhanani.s@moh.gov.my
No. Telefon: 03-8885 0772
No. Faks: 03-8885 0746

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan&Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

SENARAI EDARAN

Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia